

Bina jambatan Labuan-Menumbok disambut baik

NST 22.11.2012 4

OLEH JAINUDIN DJIMIN
(jainudin@newsabahtimes.com.my)

LABUAN: Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus menyambut baik kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Mayuddin Yassin untuk mengkaji semula kajian membina jambatan yang akan menghubungkan Labuan dengan tanah besar Sabah di Menumbok.

Bagaimanapun katanya, kajian semula itu perlu dibuat secara menyeluruh yang boleh membawa keuntungan kepada kedua-dua wilayah Sabah dan Labuan terutamanya dari sudut pembangunan ekonomi.

Beliau berkata, isu kajian pembinaan jambatan itu bukanlah sesuatu yang baru, ini kerana kerajaan sebelum ini telah pun melantik Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk membuat kajian membabitkan peruntukan sebanyak RM juta.

"Kajian semula itu perlu dibuat semula, ini kerana kosnya mungkin sudah berlainan berikutkan kenaikan barang semasa, malah kajian itu juga perlu dibuat secara menyeluruh

bagi mendapatkan impaknya kepada rakyat termasuk pengusaha bot-bot laju dan feri yang berulang alik dari Menumbok dan Labuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Mahyuddin Yasin yang kerajaan bersedia untuk mengkaji semula kajian cadangan pembinaan jambatan itu pada tahun depan.

Pada Selasa lalu, Mahyuddin yang berada di Sabah untuk lawatan kerja berkata, kerajaan telah pun bersedia untuk mengkaji semula cadangan pembinaan jambatan berkenaan.

Terdahulu Yunus yang juga Pengurus Majlis Penasihat Perbadanan Labuan merasmikan Program Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti 2012 anjuran Majlis Keselamatan Negara, di dewan Mutiara Kolej Matrikulasi Labuan, pagi kelmarin.

Sebelum ini, pada Mei 2009, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin pernah berkata, kajian cadangan pembinaan jambatan itu telahpun siap sepenuhnya oleh



PENGHARGAAN... Yunus menerima cendera kenangan daripada Fauzi (kiri) selepas merasmikan program itu

UMS dan kertas kajian itu telahpun dihantar ke Unit Percangan Ekonomi (EPÜ) bagi kajian terperinci.

Difahamkan antara isi kandungan kajian itu menyatakan kos pembinaan jambatan sepanjang 11 km itu membabitkan kos RM3 bilion dan kosnya akan meningkat sekiranya kerajaan menangguhkan pembinaannya yang dirancang di bawah RMK10.

Selain itu, Labuan terlebih dahulu perlu mempunyai struktur kemudahan jalan raya

yang lebih baik bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas terutamanya dipusat bandar akibat pertambahan jumlah kenderaan.

Hadir sama di majlis itu, Pengarah Bahagian Bencana, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Superitenden Sahrin Ahmad, Penolong Setiausaha MKN Wilayah Persekutuan Labuan, ASP Fauzi Ibrahim, Pengarah Jabatan Penerangan, Mohd Taib Ubah dan wakil syarikat telekomunikasi Digi, Saiful Mizan Tuah.